



AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

Bilangan 14 Tahun 2014

PENUBUHAN JAWATANKUASA TEKNIKAL PENILAIAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penubuhan Jawatankuasa Teknikal Penilaian Kenaikan Pangkat Staf Akademik di Universiti Teknologi MARA dan bagi memberi penjelasan kepada Bahagian Pentadbiran Kampus Negeri/ Fakulti dan staf akademik mengenai prosedur untuk kenaikan pangkat pensyarah ke jawatan Pensyarah Kanan Gred 52.

LATAR BELAKANG

2. Dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan (JKK) ke 151 pada 17 Julai 2014 telah bersetuju mewujudkan satu jawatankuasa untuk menilai permohonan kenaikan pangkat pensyarah (ke jawatan Pensyarah Kanan Gred DM52) yang telah disokong oleh Jawatankuasa Kecil Kesepakatan peringkat Kampus Negeri dan Fakulti.

3. Keputusan penilaian dan perakuan daripada Jawatankuasa Teknikal akan dibawa ke Mesyuarat JKK untuk kelulusan.

4. Keanggotaan Jawatankuasa Teknikal Penilaian Kenaikan Pangkat Staf Akademik Universiti Teknologi MARA adalah seperti berikut :

Pengerusi : Timbalan Naib Canselor
Akademik & Antarabangsa

Ahli : 1. Pengerusi Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat
Gugusan Sains & Teknologi (S&T)

: 2. Pengerusi Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat
Gugusan Sains Sosial & Kemanusiaan (SSK)

3. Pengerusi Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan Pengurusan & Perniagaan (P&P)
- Setiausaha : Ketua
Bahagian Pengurusan Prestasi dan Peningkatan Kerjaya

TUJUAN PELAKSANAAN

5. Prosedur kenaikan pangkat staf akademik dengan ini dikemaskini dengan penambahan Jawatankuasa Teknikal Penilaian Kenaikan Pangkat.
6. YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan diharap dapat memaklumkan mengenai perkara ini kepada semua staf akademik di bahagian masing-masing.

TARIKH DIKELUARKAN

Surat pekeliling ini dikeluarkan pada 13 Oktober 2014.

TARIKH KUATKUASA

Surat pekeliling ini berkuat kuasa pada 17 Julai 2014.

Yang benar,


PROFESOR DR. AZNI ZAIN AHMED
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikelilingkan kepada:

*Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/Pusat/ Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 13 Oktober 2014*